

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING
(N37 BUKIT LANJAN)**

**TAJUK : JUMLAH PERUNTUKAN DARIPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN
KEPADA KERAJAAN NEGERI**

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan berapa jumlah yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan mulai 2015 sehingga hari ini.
- b) Berapa jumlah adalah dibawah MARRIS dan berapa adalah untuk projek-projek lain?
- c) Apakah jangkakan penerimaan daripada Kerajaan Persekutuan untuk tahun 2020? Sila perincikan.

JAWAPAN:

(a) dan (b) dijawab bersekali

Jumlah pemberian yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan mulai tahun 2015 sehingga 31 Oktober 2019 adalah sebanyak RM3.683 bilion. Pecahan tahunan adalah seperti berikut :

Tahun	Jumlah Terimaan Dari Tahun 2015 hingga 31 Oktober 2019 (RM)
2015	708,437,687.26
2016	711,933,567.70
2017	729,539,517.95
2018	787,923,740.06
Oktober 2019	745,389,505.40
Jumlah	3,683,224,018.37

Jenis-jenis pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri adalah terdiri daripada :

- i) Pemberian Penyenggaraan Jalan Raya Negeri (MARRIS);
- ii) Pemberian berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP);
- iii) Pemberian Mengikut Bilangan Orang (*Capitation Grant*);
- iv) Pemberian Pembiayaan Perbelanjaan Mengurus Bagi Jabatan-Jabatan di bawah Senarai Bersama (50%);
- v) Pemberian Khas kepada Kerajaan Negeri Selangor bagi Kehilangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya;
- vi) Pemberian Bayaran Perkhidmatan 10% Kerana Penglibatan Kakitangan Kerajaan Negeri Dalam Melaksanakan Projek-Projek Persekutuan;
- vii) Pemberian Pertambahan Hasil;
- viii) Pemberian Pelancongan; dan
- ix) Elaun Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung-Kampung Baru.

Selain itu, pemberian Kerajaan Persekutuan yang disalurkan terus kepada jabatan dan agensi adalah terdiri daripada :

- i) Pemberian 50% bagi Membayar Bil Elektrik (Lampu jalan dan lampu isyarat) kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
- ii) Pemberian Sumbangan 50% Belanja Mengurus Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT); dan
- iii) Pemberian Sumbangan 50% Belanja Mengurus Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor (PPAS)

Perincian jumlah penerimaan bagi tiap-tiap kategori adalah seperti berikut :

BIL.	JENIS PEMBERIAN	2015 (RM)	2016 (RM)	2017 (RM)	2018 (RM)	OKTOBER 2019 (RM)	JUMLAH (RM)
Pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri melalui Perbendaharaan Negeri Selangor :							
1.	MARRIS (Akaun Amanah)	468,774,527.00	496,900,998.23	511,808,029.04	527,162,269.87	446,743,762.00	2,451,389,586.14
2.	TAHAP (Akaun Amanah)	12,784,000.00	12,784,000.00	9,609,000.00	6,434,000.00	18,429,000.00	60,040,000.00
3.	Pemberian Mengikut Bilangan Orang (Capitation Grant) (Akaun Hasil)	72,124,740.00	72,952,380.00	73,752,660.00	74,521,020.00	75,249,480.00	368,600,280.00
4.	Pemberian 50% Perbelanjaan Mengurus Jabatan bawah Senarai Bersama (Akaun Hasil)	56,464,453.00	61,853,627.00	66,457,506.00	72,942,939.00	79,622,811.30	337,341,336.30
5.	Pemberian Khas Kehilangan Hasil Wilayah Persekutuan (Akaun Hasil)	25,805,638.00	25,805,638.00	25,805,638.00	25,805,638.00	25,805,638.00	129,028,190.00

BIL.	JENIS PEMBERIAN	2015 (RM)	2016 (RM)	2017 (RM)	2018 (RM)	OKTOBER 2019 (RM)	JUMLAH (RM)
6.	Pemberian Bayaran Perkhidmatan 10% Penglibatan Kakitangan Kerajaan Negeri dalam Projek Persekutuan (Akaun Hasil)	2,662,528.00	3,923,576.00	4,133,034.00	4,985,600.00	9,933,445.00	25,638,183.00
7.	Pemberian Pertambahan Hasil (Akaun Hasil)	33,636,901.00	Tiada Terimaan pada tahun 2016 kerana penurunan hasil Kerajaan Persekutuan sebanyak 0.7% pada tahun 2015 berbanding tahun 2014.	Tiada Terimaan pada tahun 2017 kerana penurunan hasil Kerajaan Persekutuan sebanyak 3.04% pada tahun 2016 berbanding tahun 2015.	34,199,293.00	34,708,818.00	102,545,012.00
8.	Pemberian Pelancongan (Akaun Hasil)	-	-	-	-	10,302,420.00	10,302,420.00
9.	Elaun Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung-Kampung Baru	-	-	-	-	1,039,500.00	1,039,500.00
	Jumlah (A)	672,252,787.00	674,220,219.23	691,565,867.04	746,050,759.87	701,834,874.30	3,485,924,507.44

BIL.	JENIS PEMBERIAN	2015 (RM)	2016 (RM)	2017 (RM)	2018 (RM)	OKTOBER 2019 (RM)	JUMLAH (RM)
Pemberian Kerajaan Persekutuan yang disalurkan terus kepada Jabatan/Agensi :							
1.	Pemberian 50% bagi Bil Elektrik PBT (Lampu jalan dan lampu isyarat)	23,459,724.00	24,673,944.00	26,071,935.00	28,805,018.89	30,486,669.80	133,497,291.69
2.	Pemberian Sumbangan 50% Belanja Mengurus PADAT.	4,254,993.00	4,467,742.65	3,571,174.41	3,571,174.00	3,571,174.00	19,436,258.06
3.	Pemberian Sumbangan 50% Belanja Mengurus PPAS.	8,470,183.26	8,571,661.82	8,330,541.50	9,496,787.30	9,496,787.30	44,365,961.18
Jumlah (B)		36,184,900.26	37,713,348.47	37,973,650.91	41,872,980.19	43,554,631.10	197,299,510.93
Jumlah Keseluruhan (A + B)		708,437,687.26	711,933,567.70	729,539,517.95	787,923,740.06	745,389,505.40	3,683,224,018.37

- c) Jumlah Pemberian Persekutuan yang akan diterima daripada Kerajaan Persekutuan melalui Perbendaharaan Negeri Selangor pada tahun 2020 dianggarkan berjumlah **RM768,274,138.00**. Perincian seperti jadual berikut:

Bil.	Jenis Pemberian Persekutuan	Anggaran Terimaan Tahun 2020 (RM)
1.	Pemberian Penyenggaraan Jalan Raya Negeri (MARRIS)	525,000,000.00
2.	Pemberian berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP)	18,429,000.00
3.	Pemberian Mengikut Bilangan Orang	75,000,000.00
4.	Pembiayaan Perbelanjaan Mengurus bagi Jabatan-Jabatan di bawah Senarai Bersama (50%)	79,500,000.00
5.	Pemberian Khas Kepada Kerajaan bagi Kehilangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya	25,805,638.00
6.	Pemberian Bayaran Perkhidmatan 10% kerana penglibatan kakitangan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan Projek-Projek Persekutuan	3,500,000.00
7.	Pemberian Pertambahan Hasil	30,000,000.00
8.	Pemberian Pelancongan	10,000,000.00
9.	Elaun Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung-Kampung Baru	1,039,500.00
Jumlah Anggaran Keseluruhan (RM)		768,274,138.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PEMANSUHAN SKIM AIR PERCUMA

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah anggaran perolehan hasil pendapatan kerajaan negeri selangor dengan pemansuhan skim air percuma kepada rakyat pada Mac 2020 nanti?
- b) Adakah perolehan tersebut akan digunakan untuk inisiatif lain untuk kepentingan rakyat?

JAWAPAN:

- a) Saya pohon izin Y.B. Tuan Speaker untuk menjawab bersekali kesemua soalan berkenaan Skim Air Darul Ehsan yang telah ditanyakan oleh Yang Berhormat Sungai Air Tawar (Soalan No. 2), Yang Berhormat Sungai Panjang (Soalan No. 74), Yang Berhormat Semenyih (Soalan No. 197), Yang Berhormat Pandamaran (Soalan No. 230) dan Yang Berhormat Batang Kali (Soalan No. 284).

1. Yang Berhormat Sungai Air Tawar dan Yang Berhormat Pandamaran bertanyakan berapa anggaran perolehan hasil pendapatan Kerajaan Negeri Selangor dengan pemansuhan skim air percuma dan Yang Berhormat Sungai Panjang bertanyakan anggaran rakyat yang akan mendapat manfaat dari skim ini. Apabila Skim Air Darul Ehsan dilaksanakan, penduduk Negeri Selangor yang mendapat manfaat akan berkurang dari 1.6 juta akaun pengguna kepada 700,000 akaun.
2. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM1,812,421,674.67 bagi menampung pembiayaan Program Pemberian Air Percuma 20 meter padu semenjak Jun 2008 hingga Ogos 2019. Jumlah pembiayaan Kerajaan Negeri di bawah Skim Air Darul Ehsan ini dianggarkan akan berkurangan dari RM180 juta setahun kepada RM96 juta setahun. Kerajaan Negeri berhasrat untuk menyalurkan penjimatan tersebut kepada program-program kebajikan rakyat yang lain.

3. Yang Berhormat Sungai Panjang dan Yang Berhormat Semenyih pula bertanyakan mengenai mekanisma yang akan digunakan dalam pelaksanaan pemberian air percuma kepada kumpulan sasaran. Dalam usaha untuk memastikan tiada golongan sasaran yang tertinggal dalam menikmati Skim Air Darul Ehsan ini, Kerajaan Negeri menggesa supaya semua pemohon yang layak dan memenuhi syarat untuk membuat permohonan melalui pendaftaran sama ada secara talian melalui laman web Sistem Smart Inisiatif Peduli Rakyat (SSIPR) iaitu www.ssipr.selangor.gov.my atau secara manual mengisi Borang Permohonan Program IPR Skim Air Darul Ehsan. Pendaftaran Skim Air Darul Ehsan ini bermula pada 30 September 2019 sehingga 31 Disember 2019. Proses pendaftaran ini adalah untuk mengumpul dan mengemaskini semua data pemohon Skim Air Darul Ehsan dan bagi proses pengesahan pemohon yang layak melalui semakan silang dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Proses semakan silang hanya akan bermula selepas tarikh tutup permohonan, dan pemohon akan dimaklumkan berkenaan status permohonan mereka selewat-lewatnya pada pertengahan bulan Februari 2020, iaitu sebelum pelaksanaan Skim Air Darul Ehsan yang akan bermula pada 01 Mac 2020. Kerajaan Negeri sentiasa terbuka untuk meneliti dan memperhalusi mekanisme yang digunakan di dalam melaksanakan penjajaran semula ini bagi memastikan golongan sasaran khususnya golongan berpendapatan rendah tidak terjejas.
4. Yang Berhormat Sungai Panjang dan Yang Berhormat Batang Kali amat mengambil berat berkenaan golongan M40 dan mencadangkan supaya Skim Air Darul Ehsan ini diperluaskan kepada golongan M40. Golongan M40 di negeri Selangor adalah terdiri dari golongan rakyat yang menerima pendapatan bulanan dalam lingkungan RM6,180.00 hingga RM12,469.00. Kerajaan Negeri berpandangan golongan M40 ini berkemampuan untuk membiayai bayaran RM11.40 untuk penggunaan air sebanyak 20 meter padu sebulan. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri juga telah menyediakan program kebajikan untuk kepentingan golongan M40 ini antaranya seperti perkhidmatan bas percuma, hadiah anak masuk IPT dan lain-lain.
5. Buat masa ini, Kerajaan Negeri belum dapat mempertimbangkan saranan Yang Berhormat Batang Kali untuk meningkatkan kadar air percuma kepada 30 meter padu kerana penggunaan 20 meter padu adalah mencukupi untuk menampung kegunaan domestik bagi satu keluarga purata seramai lima (5) orang. Tambahan pula, mengikut statistik yang dilaporkan oleh Suruhanjaya Air Negara (SPAN), penggunaan air individu di Selangor, Wilayah

Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah sebanyak 222 liter sehari, iaitu 30% lebih tinggi dari kadar air yang disyorkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bagi setiap individu sebanyak 164 liter sehari. Justeru itu, peningkatan pemberian air percuma kepada 30 meter padu boleh menyumbang kepada penggunaan air yang tidak berhemah sedangkan sumber bekalan air adalah semakin berkurangan.

6. Akhirnya, Yang Berhormat Sungai Panjang juga bertanya adakah akan berlaku kenaikan tarif air selepas Skim Air Darul Ehsan ini. Kerajaan Negeri Selangor sentiasa menekankan bahawa sebarang pelarasan tarif adalah berpatutan dan tidak akan membebankan rakyat dan memberi jaminan tiada peningkatan bagi pengguna domestik yang menggunakan 20 meter padu sebulan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : PENJANAAN TENAGA SOLAR DI BANGUNAN KERAJAAN

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha kerajaan supaya semua bangunan kerajaan menjana tenaga solar untuk keperluan tenaga bangunan tersebut dibawah skim Net Energy Metering yang diperkenalkan oleh Kerajaan Persekutuan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri komited untuk melaksanakan projek pemasangan solar panel di semua bangunan Kerajaan Negeri selaras dengan seruan Dasar Kerajaan Persekutuan melalui Pelan Utama Teknologi Hijau Malaysia 2017 – 2030 berhubung tenaga boleh diperbaharui.

Bagi menjayakan hasrat pemasangan solar panel di semua bangunan Kerajaan Negeri, beberapa siri perbincangan telah diadakan bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB). Selain itu, pihak TNB juga telah membuat pembentangan bertajuk **Cadangan Pemasangan Panel Solar Di Bangunan-Bangunan Kerajaan Negeri Selangor Di Bawah Skim Solar Energy Purchase (SEP)** pada Mesyuarat Tindakan Ekonomi Negeri (MTES) bertarikh 30 Mei 2019.

Skim Solar Energy Purchase adalah salah satu pakej di bawah **Net Energy Metering** yang diperkenalkan oleh Kerajaan Persekutuan. Di mana pengguna atau dalam konteks ini Kerajaan Negeri tidak perlu mengeluarkan modal dan kos pemasangan serta penyelenggaraan sepanjang tempoh kontrak akan ditanggung oleh TNB.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah menimbang taklimat cadangan dan meluluskan cadangan Pemasangan Panel Solar Di Bangunan-Bangunan Kerajaan Negeri Selangor iaitu di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSAAS) dan semua Pejabat Tanah dan Daerah di bawah Skim Solar Energy Purchase oleh TNB. Selain itu, pihak UPEN diminta untuk mengadakan perbincangan langsung dan terperinci dengan TNB bagi mengkaji semula tempoh kontrak dan kadar tarif yang akan dikenakan.

Pada satu Mesyuarat Mengenai Cadangan Pemasangan Panel Solar Di Bangunan-Bangunan Kerajaan Negeri Selangor yang telah diadakan pada 9 Ogos 2019, pihak TNB memaklumkan bahawa mereka masih lagi dalam peringkat pengiraan keluasan kawasan pemasangan panel solar. Cadangan tarif dan tempoh kontrak akan dikemukakan kepada UPEN selepas pihak TNB mendapat kiraan keluasan sebenar pemasangan panel solar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : DASAR PERUMAHAN MAMPU MILIK (DRMM)

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk memastikan dasar Rumah Selangorku selari dengan DRMM?

JAWAPAN:

- a) Dasar Rumah Selangorku 2.0 yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri dan telah dikuatkuasa pemakaiannya mulai 2 April 2018 adalah bertujuan untuk merealisasikan matlamat “**Satu Keluarga Satu Kediaman Yang Sempurna**”. Rumah Selangorku merupakan rumah harga kawalan di mana harga jualan dan pembelinya dikawal sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri. Harga Rumah Selangorku adalah bermula dari RM42,000.00 hingga RM250,000.00 seunit yang mana mampu dimiliki oleh golongan berpendapatan rendah sehingga sederhana.

Dalam merangka dan melaksanakan Dasar Rumah Selangorku 2.0 ini, Kerajaan Negeri bersama-sama Kerajaan Persekutuan telah mengambil langkah dalam memastikan dasar ini selari dan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Kerajaan Negeri telah mengambilkira enam (6) kriteria utama perumahan mampu milik yang telah ditetapkan di dalam DRMM ini. Berikut merupakan perbandingan / huraian 6 kriteria DRMM dengan Rumah Selangorku 2.0.

Bil.	DRMM	Dasar Rumah Selangorku 2.0
1.	Kategori Harga Rumah Mampu Milik Mengikut Negeri - Harga jualan adalah di bawah RM300,000.00 seunit.	Rumah Selangorku berharga dari RM 42,000.00 hingga RM 250,000.00 seunit.
2.	Standard Perumahan Mampu Milik.	Spesifikasi minima Rumah Selangorku telah diadakan agar ianya berkualiti dan setanding dengan produk perumahan harga bebas.

3.	Piawaian Pembinaan Rumah Berkualiti.	Kerajaan Negeri cuba menerapkan bahan binaan yang mendapat pengiktiran SIRIM dan Perakuan Pematuhan Standard (Bahan Binaan) serta galakkan Skim Pensijilan Sistem Penilaian Kualiti Dalam Pembinaan QLASSIC oleh CIDB.
4.	Kawalan Pemilikan Rumah Mampu Milik	Pindahmilik hanya dibenarkan selepas lima (5) tahun dari Perjanjian Jual Beli dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.
5.	Kawalan Pembangunan Rumah Mampu Milik	<ul style="list-style-type: none"> i. Dikenakan syarat pembangunan 5 ekar dan ke atas. ii. Membina Rumah Selangorku secara serentak atau bersekali dengan rumah harga bebas.
6.	Kuota Pemilikan Bumiputera	<p>Dikenakan syarat Kuota Bumiputra seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Jenis A dan B = 70% - Jenis C, D & E = 50%

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI
(N12 JERAM)**

TAJUK : BAUCER PERAYAAN

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah relevan bantuan baucar perayaan diberikan pada masa ini dan akan datang?

JAWAPAN:

- a) Program Pemberian Bantuan Secara Baucar untuk Rakyat Miskin Bersempena Perayaan atau lebih dikenali sebagai Program Jom Shopping merupakan program bantuan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri secara tahunan sejak tahun 2012 melalui Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan dan Pembangunan Sosio Ekonomi. Ianya merupakan program bantuan bersempena tiga (3) perayaan utama iaitu Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri dan Deepavali di mana setiap keluarga yang kurang berkemampuan akan diberikan baucar untuk pembelian barangan keperluan bernilai RM100 di pasar raya terpilih.

Objektif program ini adalah untuk meringankan bebanan keluarga yang kurang berkemampuan dalam membuat persiapan menyambut perayaan. Program ini melibatkan peruntukan berjumlah RM8.4 juta dan sasaran tahunan seramai 84,000 orang penerima manfaat.

Program Pemberian Bantuan Secara Baucar untuk Rakyat Miskin Bersempena Perayaan adalah relevan dan wajar diteruskan memandangkan ianya telah memberi manfaat kepada rakyat miskin di negeri Selangor dalam membuat persiapan bagi menyambut perayaan. Sejak diperkenalkan pada tahun 2012, program ini telah berjaya membantu seramai 619,293 orang rakyat miskin di Selangor dengan peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri pula adalah sebanyak RM55,727,300.00 (Lima Puluh Lima Juta, Tujuh Ratus Dua Puluh Tujuh Ribu, Tiga Ratus Ringgit).

Walaupun pemberian bantuan RM100 dilihat kecil nilainya, namun bagi rakyat miskin yang berpendapatan rendah dan benar-benar memerlukan, ianya amat bermakna dalam meringankan bebanan mereka semasa membuat persiapan menyambut perayaan. Oleh itu, program ini masih relevan untuk diteruskan

memandangkan ia merupakan salah satu inisiatif yang dapat membantu meringankan beban rakyat miskin di dalam kelompok B40 di kawasan bandar mahupun di luar bandar secara keseluruhannya.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Pada tahun 2012, bantuan berbentuk hamper telah diperkenalkan khusus untuk membantu mengurangkan beban golongan miskin dalam menyambut perayaan Hari Raya Aidilfitri dan Deepavali. Namun begitu, kaedah pengagihan hamper telah menimbulkan banyak permasalahan. Antaranya adalah permasalahan dari segi penghantaran, ruang penyimpanan Pusat Khidmat DUN yang terhad, prosedur pendaftaran yang tidak teratur dan tiada kriteria khusus yang ditetapkan.

Oleh yang demikian, pada tahun 2013 Kerajaan Negeri telah membuat penyamarataan dengan mewujudkan bantuan perayaan khusus kepada masyarakat Cina yang menyambut perayaan Tahun Baru Cina. Dalam memastikan ketelusan dalam menyalurkan bantuan, Kerajaan Negeri telah menetapkan prosedur baharu di mana penerima bantuan perlu mendaftarkan diri di Pusat Khidmat DUN dan penerima yang layak akan membuat pembelian barangan keperluan harian di dalam bentuk baucar di pasar raya yang terpilih.

Oleh kerana kekangan kewangan yang agak terhad, peruntukan yang sedia ada perlulah dibahagikan dengan adil dan saksama. Bagi Program Jom *Shopping*, setiap DUN akan menerima sejumlah baucar di antara 300 unit hingga 800 unit mengikut kepada kepadatan pengundi di sesuatu DUN berkenaan. Oleh demikian, secara kasarnya setiap DUN akan menerima sekurang-kurangnya 1000 unit baucar setiap tahun bagi ketiga-tiga perayaan.

Oleh yang demikian, persoalan yang dibangkitkan berhubung apakah relevan bantuan baucar perayaan ini diteruskan, sukacita dimaklumkan bahawa sebenarnya program ini merupakan satu peluang yang baik kepada ADUN untuk mendekati, menzahirkan keikhlasan serta mengeratkan hubungan muhibah dengan rakyat miskin yang berbilang kaum. Program Jom *Shopping* Perayaan juga adalah merupakan satu program menyantuni rakyat yang dilihat berkesan serta memberikan impak bukan sahaja kepada penerima bantuan malahan kepada ADUN itu sendiri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : BAS SMART SELANGOR

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah perbelanjaan tahunan semenjak program Bas Smart Selangor ini dimulakan?
- b) Pengangkutan awam adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengkaji semula program ini dan diserahkan kepada Kerajaan Pusat?

JAWAPAN:

- a) Program Bas Smart Selangor merupakan salah satu daripada 33 program Insentif Peduli Rakyat (IPR) dan telah dimulakan pada 1 Julai 2015. Sejak ianya dilaksanakan, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan telah membelanjakan sebanyak RM106 juta (RM106,176,515.84) bagi meneruskan perkhidmatan bas ini di 43 laluan dengan 138 buah bas.

Butiran perbelanjaan oleh Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tempoh 1 Julai 2015 hingga 30 September 2019 adalah :

1. Kerajaan Negeri : RM81,188,429.84
 - Tahun 2015 : RM3,481,712.00
 - Tahun 2016 : RM11,360,910.64
 - Tahun 2017 : RM18,683,800.00
 - Tahun 2018 : RM17,859,306.00
 - Tahun 2019 : RM29,780,701.20
2. Pihak Berkuasa Tempatan : RM24,988,086.00
 - Tahun 2016 : RM1,563,288.00
 - Tahun 2017 : RM6,086,140.00
 - Tahun 2018 : RM8,269,640.00
 - Tahun 2019 : RM9,069,018.00

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun pembangunan sistem pengangkutan awam termasuk perkhidmatan bas merupakan tanggungjawab yang perlu disediakan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif sendiri untuk memperkenalkan perkhidmatan bas percuma bagi mengatasi permasalahan berkaitan pengangkutan awam di Negeri Selangor akibat daripada kekangan Kerajaan Pusat ketika itu dalam memenuhi keperluan penambahbaikan di dalam sistem pengangkutan awam.

Keperluan untuk menyediakan sejumlah peruntukan yang sangat besar bagi tujuan ini oleh Kerajaan Negeri dengan sumber kewangan sedia ada adalah amat terhad untuk projek-projek pembangunan yang lebih penting dan perlu diutamakan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri pada masa ini masih mampu meneruskan program ini dengan kerjasama 11 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terlibat, malah mengesyorkan supaya pelaksanaannya dapat diteruskan oleh PBT-PBT pada masa hadapan. Kerajaan Negeri juga amat berbesar hati sekiranya Kerajaan Persekutuan berhasrat untuk mengambil tanggungjawab ini ataupun memberikan peruntukan sewajarnya bagi memastikan pengangkutan awam di Negeri Selangor khususnya perkhidmatan bas ini kekal relevan dan memberi manfaat kepada semua.

INFO TAMBAHAN

Pecahan kos yang dibelanjakan oleh PBT

Bil.	PBT	Tahun			
		2016 (RM)	2017 (RM)	2018 (RM)	2019 (RM)
1.	MBSA	310,368.00	2,726,964.00	3,910,080.00	3,572,000.00
2.	MPSJ	1,252,920.00	835,228.00	1,272,628.00	1,385,420.00
3.	MPK		626,460.00	626,460.00	1,201,700.00
4.	MPAJ		992,880.00	384,768.00	939,060.00
5.	MPKj		347,468.00	839,036.00	727,170.00
6.	MPS		277,084.00	617,628.00	617,628.00
7.	MPSp		280,056.00	619,040.00	626,040.00
TOTAL		1,563,288.00	6,086,140.00	8,269,640.00	9,069,018.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : PROJEK HORAS

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status ganti rugi atau pampasan yang dijanjikan GLC Negeri Selangor terhadap kerosakan tanaman dan kebun disebabkan oleh kerja2 di projek HORAS?
- b) Sila jelaskan bentuk pampasan yang akan di beri kepada pengusaha kebun.

JAWAPAN:

(a) dan (b) dijawab bersekali:

Projek HORAS dilaksanakan dengan menggunakan kaedah pengeluaran dan pemindahan pasir sebagaimana yang ditetapkan oleh Jabatan Teknikal dan kelulusan Laporan Kajian Impak Alam Sekitar. Sepanjang tempoh operasi pelaksanaan projek, tidak pernah ada ganti rugi atau pampasan yg dijanjikan kepada mana - mana pihak kerana pihak Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB) sentiasa memastikan pelaksanaan HORAS tidak memberi kesan negatif kepada pengusaha kebun di kawasan sekitar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : PENCEMARAN BAU SUNGAI SEMENYIH

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pencemaran bau kerap berlaku di Sungai Semenyih pada tahun ini. Apakah punca dan cara-cara kerajaan untuk mengesan dan mengurangkan perlepasan kandungan ammonia yang terlalu tinggi ke dalam sungai?
- b) Senaraikan nama individu dan syarikat yang didakwa di mahkamah kerana mencemarkan sungai.

JAWAPAN:

- a) Sungai Semenyih merupakan sungai yang membekalkan sumber air kepada LPA Sungai Semenyih. Berdasarkan statistik pencemaran dan henti tugas loji, pencemaran Sungai Semenyih disebabkan oleh efluen dari industri dibahagian hulu sungai. Selain itu, terdapat juga individu yang tidak bertanggungjawab membuang sisa bahan terjadual seperti pelarut sama ada di rizab sungai atau di dalam sungai yang seterusnya menjejaskan kualiti air Sungai Semenyih. Peningkatan kandungan Ammonia biasanya adalah dari aktiviti pelepasan efluen loji rawatan kumbahan tidak terawat; aliran air kurasan/*leachate* dari tapak pembuangan sampah haram ataupun dari aktiviti penternakan tanpa sistem rawatan efluen.

Pencemaran sungai yang berlaku ada di antaranya menyebabkan henti tugas loji pembersihan air jika melebihi had ditetapkan bagi Piawaian Kualiti Air Mentah. Maka, bagi mengelakkan isu pencemaran ini berulang, Kerajaan Negeri melalui LUAS telah melaksanakan langkah-langkah kawalan dan pencegahan seperti berikut:

- i) Mengadakan perbincangan dan tindakan susulan melalui dua (2) Jawatankuasa yang ditubuhkan iaitu Mesyuarat Pasukan Petugas Lembangan Sungai Klang, Sungai Selangor dan Sungai Langat yang dipengerusikan oleh Pengarah LUAS dan Mesyuarat Jawatankuasa

Pengurusan Lembangan Sungai dan Pantai Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Y.B EXCO Infrastrutur dan Kemudahan Awam;

- ii) Mengambil tindakan penguatkuasaan, melaksana dan mengemaskini inventori punca pencemaran di Sungai Semenyih, Sungai Beranang dan Sungai Rinching berdasarkan kajian guna tanah dan inventori aktiviti di rizab sungai yang telah dilaksanakan;
 - iii) Menjalankan pemantauan statik dan pensampelan selama 24 jam di lokasi utama yang menyebabkan pencemaran. Sebagai contoh pemantauan pencemaran bau di Sungai Semenyih dan Sungai Buah dan menjalankan kerja-kerja pembersihan dengan melantik kontraktor pembersihan bertauliah jika melibatkan bahan sisa terjadual;
 - iv) Melaksanakan pembinaan stesen kuantiti dan kualiti sumber air di lembangan sungai bagi melengkapi rangkaian stesen sedia ada. Pembangunan stesen di Sungai Selangor dan Sungai Langat telah siap dan digunakan bagi tujuan pemantauan secara telemetri;
 - v) Meningkatkan pengambilan kakitangan penguatkuasaan bagi memperkasakan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan LUAS; dan
 - vi) Menjalankan tindakan penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi teknikal dan Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan dan Pejabat Tanah dan Daerah dengan mengoptimumkan pelaksanaan undang-undang dan arahan bagi memastikan sumber air terpelihara.
- b) Senarai nama individu/syarikat yang telah didakwa di mahkamah kerana mencemarkan sungai adalah seperti berikut:

Bil.	Nama Syarikat	Tahun diambil Tindakan	Seksyen Kesalahan	Pertuduhan	Status Kes
1.	Muhibbah Mok Sdn Bhd	2013	s.79(1) Enakmen LUAS 1999	Melepaskan bahan buangan yang mengandungi minyak tanpa lesen daripada Pengarah	Telah disabitkan dengan kesalahan dan

				LUAS.	dihukum denda sebanyak RM 5,000.00.
2.	Muhibbah Mok Workshop Sdn Bhd	2013	s.79(1) Enakmen LUAS 1999	Melepaskan bahan buangan yang mengandungi minyak tanpa lesen daripada Pengarah LUAS.	Telah disabitkan dengan kesalahan dan dihukum denda sebanyak RM 5,000.00.
3.	Ng Kim Bok Realty Sdn Bhd	2013	s.79(1) Enakmen LUAS 1999	Melepaskan bahan buangan yang mengandungi minyak tanpa lesen daripada Pengarah LUAS.	Telah disabitkan dengan kesalahan dan dihukum denda sebanyak RM 5,000.00.
4.	i. H'ng Soo Chiew ii. Ng Kim Bok	2013	s.79(1) Enakmen LUAS 1999	Sebagai Pengarah kepada NG KIM BOK REALTY SDN BHD melepaskan bahan buangan yang mengandungi minyak tanpa lesen daripada Pengarah LUAS.	OKS 1: RM 2500.00 atau penjara 2 bulan penjara (jika gagal bayar) OKS 2: RM 2500.00 atau penjara 2 bulan penjara (jika gagal bayar)

5.	Masgenuine I-Berhad	2018	s. 50(3) Enakmen LUAS 1999	Gagal mematuhi perintah Lembaga di bawah perenggan 4(b) Surat Arahan bertarikh 19 Mac 2013 yang dikeluarkan di bawah seksyen 50(2)(e) Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999.	Telah disabitkan dengan kesalahan dan dihukum denda sebanyak RM 45,000.00
6.	Devaraj a/ Shanmugam Maduraiveran Pillai a/ Nageswara	2019	s.79(1)(d) Enakmen LUAS 1999	Menyebabkan pelepasan bahan buangan yang mengandungi minyak ke dalam sumber air tanpa lesen Pengarah LUAS.	OKS 1 masih dalam prosiding perbicaraan. OKS 2 telah mengaku salah dan dihukum denda RM 25,000.00.

Maklumat Tambahan

- i) Pada 26 Jun 2019, Syarikat yang terlibat ialah Ngo Chew Hong yang menghasilkan pengeluaran minyak masak. Premis ini telah dikenakan tindakan penahanan operasi kelengkapan selama 2 minggu dan diteruskan penyitaan oleh MPKj selama 39 hari. Jumlah kerugian yang terpaksa ditanggung oleh pihak syarikat kesan penyitaan ialah lebih kurang 120 juta. Walau bagaimanapun tindakan mahkamah tidak diambil kerana bau sawit bukan merupakan bahan toksik dan tidak disenaraikan dalam had yang perlu dipatuhi.

- ii) Pada 28 September 2019, pencemaran bau solvent disebabkan orang yang tidak bertanggungjawab membuang solvent dalam saluran paip pembentongan melalui manhole IWK di kawasan perumahan seksyen 7 Bandar Bukit Mahkota Bangi Selangor. Suspek tidak dapat dikesan dan masih diteruskan pengesanan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 MORIB)**

TAJUK : ISU PEDULI SIHAT DAN KASIH IBU SMART SELANGOR (KISS)

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selepas proses pengemaskinian Peduli Sihat dan KISS adakah pihak EXCO Kesihatan, Kebajikan dan Pemerdayaan Keluarga membuat penambahan kuota untuk penerima yang layak tersenarai di dalam e-Kasih dan BSH?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui keputusan mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor ke 27/2019 yang telah disahkan pada 2 Oktober 2019 yang lalu telah bersetuju untuk menambah bilangan penerima manfaat Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) sebanyak 5,000 orang pada tahun 2020. Pertambahan bilangan penerima manfaat ini akan melibatkan sejumlah peruntukan kewangan yang akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan rakyat Selangor, khususnya golongan ibu-ibu yang memerlukan dapat terus dibantu dengan mekanisma yang akan ditentukan kelak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : TAHUN MELAWAT MALAYSIA 2020

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan baharu Kerajaan Negeri dalam menggalakkan kedatangan pelancong ke Negeri Selangor sempena Tahun Melawat Malaysia 2020?

JAWAPAN:

- a) Pertanyaan ini akan dijawab bersekali dengan Soalan Bertulis No 79 daripada Y.B. Puan Wong Siew Ki (N 27 Balakong) dan Soalan Bertulis No 178 daripada Y.B. Datuk Rosni binti Sohar (N 05 Hulu Bernam) berkaitan rancangan pelancongan negeri pada tahun 2020 memandangkan tahun 2020 adalah Tahun Melawat Malaysia.

Kempen Melawat Malaysia 2020 merupakan kempen utama pelancongan yang telah dirangka oleh pihak Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia melalui Tourism Malaysia. Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor mengambil langkah proaktif menjalinkan kerjasama pintar bersama pihak MOTAC dan Tourism Malaysia bagi meningkatkan jumlah kedatangan pelancong ke Negeri Selangor serta menggalakkan pembangunan dalam bidang pelancongan.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri Selangor telah merancang beberapa pendekatan dan strategi promosi pelancongan bagi menyokong kempen Melawat Malaysia 2020 pada tahun hadapan seperti:

- i. Meningkatkan Penyertaan Siri Promosi Pelancongan Dalam dan Luar Negara;
- ii. Menganjurkan Penganjuran Program FAM Trip (*Familiarization Trip*) Yang Lebih Kreatif;
- iii. Penganjuran Acara Pelancongan Bertaraf Antarabangsa di Negeri Selangor; dan
- iv. Memperkasakan Kempen Promosi Pelancongan dan Pengiklanan Pelancongan Negeri.
- v. Penekanan Kepada Segmen Pelancongan Fokus

Perincian Strategi:

i. **Meningkatkan Penyertaan Siri Promosi Pelancongan Dalam dan Luar Negara**

Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor dan UPEN akan memberi perhatian dan kerjasama bersama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia melalui penyertaan delegasi Negeri Selangor di dalam siri-siri promosi di luar negara seperti World Tourism Mart (WTM) London, ITB Berlin, Arabian Travel Market (ATM) Dubai, dan beberapa lagi yang akan dikelanalpasti oleh pihak MOTAC.

Penyertaan Kerajaan Negeri di dalam siri-siri promosi ini di dalam pameran-pameran di peringkat antarabangsa yang fokus kepada B2B (*Business to Business*) & B2C (*Business to Consumer*) adalah bertujuan untuk meningkatkan kedatangan pelawat dan pelancong ke negeri Selangor melalui pendedahan, penjualan pakej pelancongan dan kerjasama yang akan dimeterai di antara Tourism Selangor dan operator pelancongan luar negara.

Kerajaan Negeri juga pada tahun 2020 akan memperkasakan "*Sales Mission*" mengikut pasaran utama pelancongan Negeri Selangor seperti pasaran Jepun, India dan China. Program "*Sales Mission*" seperti ini akan dipanjangkan kepada pasaran yang baharu seperti Eropah, Timur Tengah dan Australia.

Bagi pasaran domestik pula, penyertaan di dalam program expo promosi seperti MATTA Fair, MITA Fair Program Promosi Jelajah Negeri dan Skuad Kembara Sekolah akan diteruskan di dipergiatkan lagi.

ii. **Menganjurkan Penganjuran Program FAM Trip (*Familiarization Trip*) Yang Lebih Kreatif**

Kerajaan Negeri melalui UPEN dan Tourism Selangor akan bekerjasama dengan pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan penggiat industri pelancongan dan kebudayaan di dalam penganjuran FAM Trip bersama media dan operator agensi pelancongan untuk melawat, melihat dan merasai sendiri pengalaman produk-produk pelancongan yang berpotensi di Negeri Selangor. Pendekatan kaedah FAM Trip yang lebih kreatif dan bersahaja dengan penyertaan *Media Influencer* serta *Key Opinion Leader*

(KOL) diyakini akan memberi liputan, impak dan pulangan yang lebih besar kepada Kerajaan Negeri.

iii. **Penganjuran Acara Pelancongan Bertaraf Antarabangsa di Negeri Selangor**

Bagi perancangan pelancongan tahun 2020, Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor telah menyusun kalendar penganjuran acara pelancongan yang boleh disertai oleh pelancong dari dalam dan luar negara sepanjang Tahun 2020.

Sebagai tambahan, Kerajaan Negeri turut menyasarkan beberapa penganjuran acara pelancongan bertaraf antarabangsa yang akan dianjurkan pada tahun 2020 akan memberi impak kepada keseluruhan kedatangan pengunjung domestik dan luar negara.

Antara acara pelancongan yang akan dijalankan adalah seperti Selangor International Indigenous Art Festival 2020, Malaysia Women Marathon 2020, Selangor TwinCity Marathon 2020, Tourism Selangor Golf Championship 2020, Selangor Raja Muda International Regatta 2020, Golf Open 2020, Retromania Gathering, Wings of KKB 2020 dan banyak lagi.

Kerajaan Negeri juga amat bertuah dan akan memberikan kerjasama di dalam penganjuran acara Super GT Malaysia 2020 di SIC Sepang pada 17 & 18 Julai 2020 di mana ia merupakan satu-satunya perlumbaan Super GT yang dianjurkan pada waktu malam.

iv. **Memperkasakan Kempen Promosi Pelancongan dan Pengiklanan Pelancongan Negeri.**

Bagi memastikan impak dan tumpuan industri pelancongan negeri terus dipacu, Kerajaan Negeri komited akan melancarkan kempen Tahun Melawat Selangor 2021 di atas kesinambungan kempen Melawat Malaysia 2020.

Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri akan memperkasakan kempen pengiklanan di media cetak dan elektronik di peringkat domestik dan antarabangsa seperti

- Pengiklanan *billboard 'unipole'* di 5 lokasi strategik termasuk Langkawi, Penang, Melaka, Johor Bharu dan Singapura,

- Pengiklanan Digital *Out of Home* di tujuh (7) lokasi strategik termasuk KLIA, KLIA2, KKIA, ETS, BTS, Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah dan Lebuhraya Persekutuan,
- Pengiklanan Digital di KLIA TV selama 12 bulan,
- Pengiklanan di pesawat AirAsia, MasWing atau Firefly termasuk *vessel body wrap* dan *internal compartment wrap* untuk 12 bulan; dan
- Promosi media sosial termasuk Facebook, Instagram, Google, serta WeChat dan Weibo dalam bahasa asing bagi segmen pasaran luar negara untuk 12 bulan.

Perancangan aktiviti promosi ini akan diperincikan mengikut kesesuaian dan kemampuan kewangan semasa bagi memastikan kempen promosi pelancongan mempunyai nilai pulangan ROI (*Return of Investment*) yang tinggi dan berkesan.

v. **Penekanan Kepada Segmen Pelancongan Fokus**

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri telah mengenal pasti beberapa segmen pelancongan yang mempunyai potensi dan kekuatan yang tersendiri bagi menarik lebih banyak pelancong berkunjung dan melawat ke Negeri Selangor. Antara segmen pelancongan tersebut adalah seperti berikut:-

- i. Pelancongan Sukan Golf
- ii. Pelancongan Perubatan dan Kesihatan (*Medical & Wellness*)
- iii. Pelancongan *Cruise* (Kapal Persiaran Mewah)

Pada tahun 2020, Kerajaan Negeri menyasarkan untuk memperkasakan serta menjenamakan Negeri Selangor sebagai pusat pelancongan golf utama negara. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri akan memberi tumpuan dan sokongan kepada penganjuran kejohanan golf bertaraf antarabangsa yang dijangka akan memberi impak yang lebih besar dalam merencanakan industri pelancongan negeri.

Kerajaan Negeri juga akan memberi fokus kepada aktiviti promosi pelancongan perubatan dan kesihatan dengan kerjasama MHTC (*Malaysia Healthcare Tourism Council*) dalam beberapa penganjuran program promosi tempatan mahupun antarabangsa seperti pameran expo pelancongan, FAM Trip dan Majlis Anugerah.

Selari dengan agenda Klusterisasi Ekonomi Negeri Selangor, Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri juga akan memberikan fokus terhadap pelancongan pelayaran mewah (*Cruise Tourism*) yang telah dikenal pasti di bawah Kluster Pelabuhan dan Maritim. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri bercadang untuk membina Pusat Informasi Pelancongan (TIC) di BCC, Klang pada tahun 2020 yang dijangka akan memberi liputan, pendedahan dan nilai tambah kepada industri pelancongan negeri untuk jangka masa panjang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : STARTUP

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha yang telah dan akan dilakukan kerajaan untuk mengembangkan lagi potensi syarikat-syarikat startup di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan melalui Selangor Information Technology & E-Commerce Council (SITEC) telah memulakan program untuk Startup dengan program Selangor Startup Quest di mana pada peringkat ini seramai 15 kumpulan Startup telah berkumpul dan mewujudkan idea baru yang boleh diketengahkan dalam industri pada masa hadapan melalui program yang telah diaturkan oleh SITEC.

Pada tahun 2018 & 2019 *Selangor Accelerator Program (SAP)* telah diadakan dalam membantu dan mengembangkan potensi syarikat-syarikat Startup ini. Sebanyak 60 syarikat Startup telah terpilih untuk mengikuti program SAP ini pada tahun 2018 dan 2019.

Syarikat startup yang terpilih, akan mengikuti program ini selama 4 bulan di mana mereka belajar untuk mengembangkan potensi syarikat mereka terutamanya dalam kemahiran mereka untuk persembahan (*Pitching*) dihadapan pelabur terhadap produk / perkhidmatan yang syarikat mereka miliki serta mempelajari pengurusan syarikat yang baik. Program ini memberikan mereka latihan, kelas dan sesi mentoring daripada rangkaian mentor yang pakar daripada industri, rakan kongsi industri, dan pemain-pemain dalam industri. Matlamatnya adalah menjadikan syarikat Startup ini bersedia dalam memenuhi keperluan industri dan berkeyakinan apabila melakukan pitching dihadapan pelabur.

Daripada 60 syarikat Startup yang menyertai program ini, hanya 20 Startup telah dipilih dimana 10 syarikat Startup daripada tahun 2018 dan 10 syarikat Startup daripada tahun 2019 untuk mengikuti lawatan sambil belajar ke luar negara. Pada tahun 2018 mereka telah dibawa ke Hangzhou China dimana mereka juga berpeluang untuk melakukan *Pitching* di hadapan pelabur dari China semasa lawatan tersebut. Pada tahun 2019 pula 10 syarikat Startup telah dibawa ke

Jakarta Indonesia dan berpeluang melakukan *Pitching* di hadapan beberapa pelabur serta mereka dapat mempelajari sesuatu yang baru daripada syarikat besar seperti Gojek dan Bukalapak.

Dalam pada itu sebanyak 20 daripada 60 Syarikat Startup yang mengikuti program SAP ini, telah berjaya menerima pembiayaan Cradle Investment Program (CIP) 300 daripada Cradle Fund Sdn Bhd (agensi pembiayaan utama kerajaan) dan daripada *Secure Angel Investment* dari dalam dan luar negara dengan anggaran pembiayaan \$USD 50,000 – \$USD 350,000. Sebanyak 5 syarikat startup juga telah dicalonkan untuk anugerah *ASEAN Rice Bowl Startup Award* dan salah satu daripada mereka telah memenangi *the Best AI or Machine Learning Startup Awards*.

Anggaran jumlah GMV (*Gross Merchant Value*) yang diperolehi daripada syarikat-syarikat startup ini daripada tahun 2018 hingga tahun 2019 adalah RM 26 Juta dan pada masa akan datang, program seperti ini akan diteruskan dan akan ditambah baik lagi bagi membantu syarikat startup ini khususnya di Selangor.

Syarikat Startup yang mengikuti program dibawah SAP juga telah mewujudkan kesan dalam bidang pemasaran digital, Business to Business (B2B), Online to Offline (O2O) di mana ada syarikat Startup ini yang dapat menyelaraskan peruncit, pembekal dan pembeli dalam satu platform di mana urusan perniagaan dapat dijalankan dengan cepat, murah dan boleh dipercayai seperti dalam industri sewa kereta, e-dagang, penjagaan rumah, dan sebagainya.

Sumber : Selangor Information Technology & E-Commerce Council (SITEC)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : ZERO TO HERO

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah peserta dalam program " zero to hero" seperti pinjaman bermusim,program inkubator dan smart partnership.
- b) Apakah keberkesanan program ini kepada peserta dan sumbangan kepada hasil Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

- a) Jumlah peserta Zero to Hero sejak tahun 2016 sehingga Ogos 2019 adalah 676 orang.
- b) Pihak Hijrah Selangor belum membuat kajian khusus berkenaan keberkesanan program ini. Walaubagaimanapun berdasarkan pemantauan Hijrah Selangor dan Syarikat Peneraju mendapati :
 - i) Daripada 676 peserta Zero to Hero, seramai 594 orang telah memperolehi peningkatan pendapatan melalui perniagaan yang dijalankan, manakala baki 82 orang masih didalam tempoh bimbingan.
 - ii) Peningkatan taraf hidup juga dapat diukur melalui peningkatan perniagaan, mobility social dan kualiti kehidupan peminjam. Daripada 676 orang peserta Zero to Hero, seramai 549 peserta aktif telah mempunyai pekerjaan sendiri.

Sumbangan Program ini kepada pertumbuhan ekonomi negeri adalah seperti berikut :

- i) Mewujudkan banyak peluang pekerjaan dan membantu mengurangkan pengangguran serta meningkatkan taraf hidup masyarakat. Contoh success story, antara Anchor Company yang Berjaya ialah Tini's Spa

yang telah mewujudkan peluang pekerjaan kepada usahawan seramai 81 peserta dengan jumlah pinjaman sebanyak RM370,000.00.

- ii) Menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi setempat melalui pengeluaran produk-produk tempatan dan membantu sector pelancongan.
- iii) Membantu golongan sasaran seperti ibu tunggal, asnaf, belia dan sebagainya untuk meningkatkan taraf hidup. Contohnya bagi kategori ibu tunggal, hasil kajian daripada pihak KUIS pada Jun 2019 berkaitan tahap dan indeks keberkesanan program mikrokredit terhadap pemberdayaan ibu tunggal di Negeri Selangor didapati terdapat peningkatan purata pendapatan sebanyak 19% selepas menyertai Hijrah Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : PROJEK PEMBANGUNAN BELIA DAN SUKAN

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kerajaan Negeri mempunyai perancangan bagi membina Kompleks Belia dan Sukan dan juga Stadium Hoki di kawasan Zon Selatan Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri pada masa ini tiada perancangan bagi membina Kompleks Belia dan Sukan atau Stadium Hoki di kawasan Zon Selatan Selangor. Ini adalah disebabkan oleh sebab terdapatnya kemudahan lain sedia ada yang boleh digunakan berhampiran atau di dalam kawasan Selatan Selangor. Walau bagaimanapun, pihak Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) akan meneliti secara menyeluruh atas keperluan kemudahan yang diperlukan pada masa akan datang.

Pada masa ini, Selangor telah mempunyai dua (2) buah Stadium Hoki iaitu di Majlis Perbandaran Klang (MPK) dan Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MBPJ) yang boleh digunakan. Kedua stadium ini diselenggara sepenuhnya oleh Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan. Pembinaan Stadium Hoki di kawasan Selatan Selangor pada masa ini masih belum diputuskan memandangkan tiada cadangan atau usul dari pihak Majlis Perbandaran Sepang berkaitan pembinaan Stadium Hoki.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN
(N02 SABAK)**

TAJUK : MASALAH PERTANIAN

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memandangkan pendapatan pesawah dan pekebun kecil sawit tidak menentu disebabkan penyakit dan harga komuniti sawit mengikut pasaran antarabangsa. Apakah cadangan kerajaan bagi petani mendapatkan sumber pendapatan tambahan lain?

JAWAPAN:

- a) Melalui skim pembangunan industri tanaman, pelbagai program disediakan oleh Jabatan Pertanian bagi meningkatkan pendapatan pesawah dan pekebun kecil. Antaranya menggalakkan petani menceburkan diri dalam bidang usaha industri asas tani seperti pembuatan makanan, membuat tanaman selingan kontan dan ternakan kelulut, tanaman buah-buahan dan cendawan bagi mengurangkan pergantungan yang tinggi kepada tanaman sawit. Bagi sawah, program rawatan tanah telah dilaksanakan dengan penggunaan mikrob dan bahan organik bagi membantu meningkatkan hasil padi dan cadangan bagi tanaman jagung bagi meningkatkan pendapatan sampingan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : KADAR PERTUMBUHAN NEGERI SELANGOR

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah proaktif Kerajaan Negeri untuk menjana pertumbuhan negeri disaat kadar purata pertumbuhan negara-negara ASEAN mengalami kemerosotan daripada 5.0% pada tahun 2008 kepada 4.7% pada tahun ini?

JAWAPAN:

- a) Ekonomi ASEAN secara keseluruhan berkembang kepada 5.2 peratus pada 2018 disokong aktiviti perdagangan dan pelaburan kukuh dan ia diunjur kekal untuk 2019. Walaupun prestasi ekonomi berdaya tahan, namun terdapat risiko pertumbuhan yang lebih perlahan akibat peningkatan ketidakpastian persekitaran global termasuk konflik perdagangan, volatiliti dalam pasaran kewangan dan harga minyak global dan ketegangan geopolitik.

Sumbangan lebih 20 peratus Selangor kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia membuktikan kestabilan ekonomi Selangor melalui pengukuhan aspek tadbir urus dan polisi yang efektif. Selangor merekodkan sumbangan sebanyak 23.7 peratus diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur (16.1%), Sarawak (9.7%), Johor (9.6%), Pulau Pinang (6.7%) dan Sabah (6.2%).

Selangor dalam usaha merencanakan pembangunan ekonomi menerusi Program Smart Selangor yang telah dibangunkan sejak 2016 telah mengaspirasikan lima teras utama yang merangkumi aspek kualiti hidup, persekitaran, pembangunan ekonomi, tenaga buruh dan fiskal negeri. Program ini dilihat mampu memacu pembangunan ekonomi dan prestasi pelaburan di Selangor. Ini dapat dibuktikan pada 2018, jumlah pelaburan yang telah diluluskan adalah sebanyak RM18.9 bilion yang membabitkan RM8.1 bilion pelaburan domestik dan RM10.8 bilion pelaburan asing. Pelabur utama daripada negara seperti Japan, China dan Singapura dijangka menjana 26,492 potensi peluang pekerjaan baru. Manakala bagi tempoh Januari hingga Jun 2019, sebanyak 132 projek perkilangan telah diluluskan di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah RM 5.97 bilion dan telah mewujudkan sebanyak 6,628 potensi peluang pekerjaan. Program – program penggalakkan akan terus dilaksanakan dengan tumpuan kepada industri – industri

utama yang bernilai tinggi seperti *Electrical and Electronics, Transportation Machinery, Life Sciences, Food and Beverage* serta *Machinery and Equipments*.

Selangor mempunyai struktur ekonomi yang mapan seiring dengan kemajuannya sebagai antara peneraju utama pembangunan negara dengan nilai ditambah aktiviti ekonomi memperlihatkan peningkatan kepada RM322.6 bilion berbanding RM301.9 bilion pada 2017 menjadikan pertumbuhan KDNK Negeri Selangor dalam bentuk peratusan adalah pada kadar 6.8 pada tahun 2018. Sektor Perkhidmatan meningkat 7.6 peratus (2017: 6.8%) dipacu oleh aktiviti perdagangan borong & runcit, komunikasi dan kewangan. Sektor Pembuatan yang merekodkan pertumbuhan 7.3 peratus (2017: 7.9%) telah didorong oleh prestasi subsektor produk elektirk, elektronik & optikal dan kenderaan bermotor & peralatan pengangkutan. Selain itu, sektor Pembinaan mencatatkan pertumbuhan 6.6 berbanding 8.2 peratus yang direkodkan pada tahun 2017.

Di samping aspek – aspek yang telah saya nyatakan tadi, Gugusan Ekonomi yang telah dirangka sebelum ini akan terus digerakkan oleh pelbagai agensi bagi memacu pertumbuhan ekonomi negeri dan memakmurkan rakyat. Negeri Selangor juga akan terus menjadi *trend setter* (dengan izin) dengan mempelbagaikan kaedah dan pendekatan yang lebih strategik dalam menarik pelaburan berkualiti tinggi ke negeri ini. Kerajaan Negeri percaya dan yakin struktur teguh yang telah dibina dan ditambah dengan perancangan yang lebih tersusun dan fokus, dapat mempertahankan kedudukan Selangor sebagai negeri termaju di Malaysia dan penyumbang utama KDNK negara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : KUTIPAN PARKIR DI KAMPUNG TRADISI, KG BARU CINA, KG NELAYAN

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sebagai kerajaan yang prihatin kepada rakyat, adakah Kerajaan Negeri dapat menghadkan kutipan hasil parkir di Kg tradisi, Kg Baru dan Kg Nelayan?

JAWAPAN:

- a) Perkara bagi mengadakan tempat letak kereta dan tempat perhentian telah dijelaskan di dalam Seksyen 72 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) seperti berikut:

“Mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan atau badan awam boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam Warta mengadakan tempat letak kereta yang sesuai bagi kenderaan-kenderaan atau tempat perhentian bagi kenderaan-kenderaan perkhidmatan awam atau kenderaan-kenderaan barangan mengikut Akta ini, dan bagi maksud itu boleh:

- (a) *menggunakan mana-mana tanah yang boleh diperolehi atau diuntukkan dengan sah di sisi undang-undang bagi maksud itu; atau*
- (b) *melalui perintah itu membenarkan penggunaan mana-mana bahagian sesuatu jalan sebagai tempat letak kereta atau tempat perhentian bagi kenderaan-kenderaan perkhidmatan awam atau kenderaan-kenderaan barangan.*

Oleh yang demikian, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mempunyai kuasa dalam mengenakan kutipan parkir terhadap kawasan yang telah diwartakan sebagai kawasan kutipan parkir. Penentuan kawasan yang akan dikenakan caj parkir akan diputuskan secara kolektif melalui mesyuarat di PBT yang turut melibatkan Ahli Majlis. Walaubagaimanapun, Yang Berhormat ADUN boleh mengemukakan sebarang pandangan dan cadangan ke atas kesesuaian setiap kawasan yang dikenakan caj parkir oleh PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE
(N48 SENTOSA)**

TAJUK : BANTUAN RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (RIBI)

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah Dana yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk pembangunan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) khususnya kuil Hindu?
- b) Berapakah jumlah kuil Hindu yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

- a) Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMKN) ke 4/2019 yang diadakan pada 15 Februari 2019 yang telah disahkan oleh MMKN ke 5/2019 pada 20 Februari 2019 telah menimbang dan meluluskan pembahagian peruntukan hal ehwal selain Islam di bawah Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam bagi tahun 2019 seperti berikut :

Bersetuju agar pembahagian bagi setiap kategori agama adalah mengikut peratusan penganut Selain Islam Negeri Selangor iaitu seperti berikut (Jadual 1) :

Agama	Penganut (%)	Peruntukan (RM)
Buddha, Tao dan Lain-lain	60.47	3,628,200.00
Hindu	28.75	1,725,000.00
Kristian	9.42	565,200.00
Sikh	1.36	81,600.00
Jumlah Keseluruhan		6,000,000.00

Jadual 1

- b) Mulai Januari 2019 – September 2019, Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam telah menyokong sebanyak **empat (4) tapak** rumah ibadat selain Islam (Kuil) untuk tujuan pewartaan, manakala bilangan terkini permohonan pewartaan bagi kuil Hindu yang masih berada di dalam pertimbangan Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam adalah sebanyak 13 permohonan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK : NYAMUK WOLBACHIA

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan penemuan pelepasan nyamuk wolbachia di Selangor dalam menangani wabak denggi.

JAWAPAN:

- a) Nyamuk ber*Wolbachia* merupakan salah satu inovasi dalam menangani kawalan kes demam denggi. Bakteria *Wolbachia* disuntik ke dalam telur nyamuk *Aedes aegypti*. Ini seterusnya akan merencatkan pertumbuhan virus denggi di dalam nyamuk dan seterusnya menghalang penyebaran virus denggi. Projek kajian ini telah dimulakan di Negeri Selangor bermula Mac 2017. Sehingga kini sebanyak 17 lokaliti di Selangor telah memulakan kaedah kawalan nyamuk ber*Wolbachia*. Berdasarkan kajian Institute for Medical Research (IMR) Malaysia menunjukkan kawalan nyamuk ber*Wolbachia* mampu menurunkan 50 hingga 80 peratus kes demam denggi di lokaliti pelepasan dan seterusnya dapat mengurangkan kadar kes dan kematian akibat demam denggi. Namun begitu, masih terlalu awal untuk menilai keberkesanan nyamuk ber*Wolbachia* secara menyeluruh.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : KONTRAKTOR KDEB

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan kontrak pembersihan sampah yang telah dianugerahkan kepada KDEB mengikut PBT?

JAWAPAN:

- a) Sehingga kini, daripada keseluruhan dua belas (12) kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) KDEBWM telah beroperasi di sebelas (11) PBT kecuali Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA). Bilangan keseluruhan kontrak yang telah dianugerahkan oleh KDEBWM kepada sub-kontraktor di semua sebelas (11) PBT adalah sebanyak 930 iaitu 421 kontrak kutipan sampah domestik dan 509 kontrak pembersihan awam dan kutipan sampah pukal. Pecahan terperinci bilangan kontrak yang telah anugerahkan kepada Sub-Kontraktor mengikut PBT adalah seperti berikut:

Bil.	PBT	Skop Kerja	Jumlah Kontrak
1	MPK	Kutipan Sisa Domestik	68
		Pembersihan Awam	68
2	MPAJ	Kutipan Sisa Domestik	46
		Pembersihan Awam	52
3	MPS	Kutipan Sisa Domestik	44
		Kutipan Sisa Pukal & Kebun	20
		Pembersihan Awam	47
4	MDKL	Kutipan Sisa Domestik	16
		Pembersihan Awam	20
5	MPKj	Kutipan Sisa Domestik	59
		Pembersihan Awam	59
6	MBPJ	Kutipan Sisa Domestik	53
		Pembersihan Awam	97
7	MPSp	Kutipan Sisa Domestik	24
		Pembersihan Awam	28
		Pembersihan Awam	34
		Kutipan Sisa Domestik	26
9	MDSB	Kutipan Sisa Domestik	9
		Pembersihan Awam	9
10	MPSJ	Kutipan Sisa Domestik	64
		Pembersihan Awam	60
11	MDKS	Kutipan Sisa Domestik	12
		Pembersihan Awam	15
JUMLAH KESELURUHAN			930

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PEMBANGUNAN BELIA NEGERI SELANGOR

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan bagi mengurangkan kadar pengangguran dikalangan belia dalam Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Dalam usaha bagi membantu belia dalam mendapatkan pekerjaan, Kerajaan Negeri Selangor melalui *Invest Selangor* telah melaksanakan inisiatif berkaitan bagi menarik pelaburan yang berpotensi dengan mengambil pendekatan dasar terbuka bagi meneruskan kecemerlangan pertumbuhan ekonomi negeri. Sejak penubuhan, *Invest Selangor* telah berjaya menarik lebih daripada 5,104 projek perkilangan di Selangor. Secara tidak langsung bertanggungjawab untuk mewujudkan peluang pekerjaan yang luas dan menarik kepada belia Selangor khususnya kepada golongan siswazah.

Kerajaan Negeri Selangor turut mengambil inisiatif lain dalam menganjurkan program - program tersebut bagi meningkatkan peluang pekerjaan kepada belia Selangor termasuk golongan Siswazah seperti berikut:

i. Program Karnival Kerjaya - *Selangor Job Fair*

Program Karnival Kerjaya - *Selangor Job Fair* merupakan program yang dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja Selangor (JTK) dan Job Malaysia Selangor. Program yang dilaksanakan dua (2) kali setahun ini telah diperkenalkan sejak tahun 2015, merupakan platform bagi menghimpunkan majikan-majikan di negeri Selangor dengan menawarkan pelbagai peluang pekerjaan kepada rakyat Selangor khususnya kepada golongan belia. Program ini merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri Selangor untuk mengurangkan kadar pengangguran. Selain itu, membantu syarikat-syarikat yang memerlukan tenaga kerja dengan mengutamakan penglibatan warga tempatan berbanding warga asing. Pengisian program ini ialah temuduga terbuka bagi mengisi kekosongan jawatan dari peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) hingga Ijazah. Selain itu, terdapat sesi perkongsian informasi, taklimat dan

penerangan agensi, pameran jabatan / agensi luar dan peluang keusahawanan.

ii. **Pendidikan Kemahiran dan Vokasional**

Menyediakan pendidikan kemahiran dan vokasional di Kolej INPENS dengan yuran yang berpatutan bagi belia yang kurang berkemampuan tetapi masih ingin meneruskan pembelajaran tanpa mempunyai latar belakang pendidikan cemerlang. Inisiatif Kerajaan Negeri Selangor ini telah menyediakan peluang pendidikan kemahiran dan vokasional dan pembiayaan pelajaran berdasarkan kelayakan pemohon.

iii. **Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS)**

Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS) iaitu sebuah program latihan keusahawanan dalam melalui kursus dalam bidang - bidang seperti berikut:

- Kursus Keusahawanan Penternakan (Ruminan & Unggas)
- Kursus Pemantapan Pemantauan Keusahawanan
- Kursus Percetakan Segera Pentauliahkan Sijil SKM Tahap 3: Peserta Urutan Selepas Bersalin
- Kursus Keusahawanan Penternakan
- (Makanan ternakan dan Rancangan Perniagaan)
- Kursus *Soft Skills* Usahawan Penternakan & Pengurusan Kewangan (Online)
- Kursus Keusahawanan Penternakan (Sembelihan Halal & Penyediaan Makanan (BBQ)
- *Mobile Service Aircond*
- Cuci Kasut
- Mobile Barber
- Ayam Gunting
- Terapi Bekam
- Bakery
- *Mobile Spa*
- Dekorasi Pelamin
- Kiosk Sate

Program ini yang diberikan secara percuma merangkumi beberapa kategori iaitu belia, suri rumah, pesara dan ibu tunggal. Pada tahun 2011 hingga 2018, terdapat 3,248 orang peserta yang telah terpilih untuk menyertai Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor

(RKRS). Daripada jumlah tersebut, seramai 2,436 orang peserta (75%) telah berjaya menjana pendapatan melalui program tersebut. Purata pendapatan bulanan mencatatkan jumlah tertinggi bagi purata pendapatan berjumlah RM500 - RM2,000 sebulan melalui 1,712 orang peserta (52.71%).

iv. **Program Inisiatif Kemahiran Teknikal & Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS)**

Pada tahun 2018, Program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS) telah diperkenalkan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali sewaktu Belanjawan 2018 Negeri Selangor. Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri Selangor akan memberi pembiayaan kepada 1,000 belia Selangor dalam pelbagai bidang kemahiran berimpak tinggi. Program kemahiran ini menawarkan pelbagai latihan teknikal dan vokasional yang memberi fokus kepada lima bidang utama dalam industri iaitu sains hayat, elektrik dan elektronik, jentera dan peralatan, makanan dan minuman serta aeroangkasa. Program ini ditawarkan kepada belia Selangor dalam tempoh tertentu di mana setelah tamat program kemahiran ini, belia – belia ini akan diserapkan sebagai tenaga mahir di dalam pasaran industri – industri di Selangor.